



Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang  
Jabatan Perdana Menteri

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN  
YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**BENGKEL PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA**

***“Fact Finding Consultation : Towards Malaysia’s National Action Plan On Business And Human Rights (NAPBHR)”***

- 1. Tarikh :** **7 Disember 2020 (Isnin)**  
**Tematic** **Buruh**  
**Agensi Peneraju:** **Kementerian Sumber Manusia (KSM)**
  
  - 2. Tarikh :** **8 Disember 2020 (Selasa)**  
**Tematic** **Alam Sekitar**  
**Agensi Peneraju:** **Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)**
  
  - 3. Tarikh :** **14 Disember 2020 (Isnin)**  
**Tematic** **Tadbir Urus**  
**Agensi Peneraju:** **Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC)**
- Masa : 9.00 pagi**  
**Platform : Zoom Meeting**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.**

**Terima kasih Tuan/Puan Pengacara Majlis.**

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Aishah Hj. Bidin  
Pakar Rujuk untuk *Business and Human Rights***

**Yang Berbahagia Dato' Mah Weng Kwai  
Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**Yang Berusaha Puan Manon Bernier  
*Deputy Resident Representative, UNDP Malaysia, Singapore and  
Brunei Darussalam***

**Yang Berusaha Tuan/Puan Moderator**

**Yang Berbahagia Dato'/Dr./Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta  
bengkel yang saya hormati sekalian.**

## **PENGENALAN**

1. “Before I begin my speech, I would like to take some time to address the efforts done by UNDP in helping Malaysia with the development of Malaysia’s National Action Plan on Business and Human Rights (NAPBHR). I am also pleased to have Ms Manon Bernier as the Deputy Resident Representative of UNDP Malaysia, Singapore and Brunei on board in ensuring that all matters related to NAPBHR; including this online session, become a reality. We look forward for more collaboration between both parties in championing human rights issues in Malaysia.

2. Saya mengalu-alukan penyertaan secara *virtual* para hadirin sekalian ke sesi Bengkel Perniagaan dan Hak Asasi Manusia bertemakan “*Fact Finding Consultation: Towards Malaysia’s National Action Plan On Business And Human Rights (NAPBHR)*”.

Yang Berbahagia Dato’/ Dr./ Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

3. Hak asasi manusia merupakan salah satu elemen yang perlu diberi keutamaan dalam pembangunan negara yang mapan. Namun begitu, negara kita sering dikejutkan dengan berita-berita mengenai

perlanggaran hak asasi manusia yang terhasil daripada aktiviti perniagaan sesetengah entiti syarikat. Tidak dapat dinafikan, peningkatan keuntungan adalah keutamaan bagi pemilik syarikat. Namun dalam masa yang sama, penekanan nilai-nilai hormat terhadap hak asasi manusia juga perlu dititikberatkan.

4. Entiti perniagaan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan aktiviti perniagaan dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar negara adalah berlandaskan kepada prinsip integriti dan menghormati hak asasi manusia. Prinsip ini penting kerana ia dapat meningkatkan reputasi entiti perniagaan di samping membantu negara memperkuuhkan daya saing ekonomi di peringkat antarabangsa.

5. Sehubungan dengan itu, Kerajaan kini sedang dalam usaha untuk membangunkan satu Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) bagi mengalakkan entiti syarikat untuk mematuhi standard hak asasi yang ditetapkan. Cadangan pembangunan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019. Pembangunan Pelan Tindakan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab

Kerajaan untuk menyebar dan melaksanakan UN *Guiding Principles on Business and Human Rights* (UNGPs).

6. UNGP telah menggariskan tiga perkara utama iaitu :
  - i. tanggungjawab Kerajaan untuk melindungi hak asasi manusia;
  - ii. tanggungjawab entiti perniagaan untuk menghormati hak asasi manusia; dan
  - iii. tanggungjawab kedua-dua Kerajaan dan juga entiti perniagaan untuk memastikan terdapatnya remedi yang efektif sekiranya berlaku perlanggaran atau pencabulan hak asasi manusia.

6. Bagi menyokong pembangunan pelan tindakan ini, pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah melaksanakan pelbagai aktiviti seperti forum, perbincangan, kajian dan siasatan ke atas kes perlanggaran hak asasi manusia oleh entiti-entiti perniagaan. Pada tahun 2015, SUHAKAM dengan kerjasama daripada pihak *United Nations Country Team* juga telah berjaya menerbitkan Rangka Kerja Strategik Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan. Selain daripada itu, untuk mempromosi dan memperkenalkan UNGP, SUHAKAM turut

menganjurkan aktiviti dan perbincangan dengan pelbagai pihak di samping untuk mengenalpasti dan mempromosi amalan terbaik dalam melaksanakan UNGP.

7. Seterusnya pada 20 Jun 2019, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah diberikan mandat dan tanggungjawab selaku *focal agency* bagi membangunkan pelan tindakan ini. Antara inisiatif segera yang telah dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah penganjuran *National High-Level Dialogue on Business and Human Rights* bertemakan “*Towards A Malaysian National Action Plan (NAP) on Business and Human Rights*”.

8. Sesi dialog ini telah diadakan pada 24 Jun 2019 dengan kerjasama SUHAKAM dan *United Nations Development Programme* (UNDP). Beberapa siri perbincangan susulan dan pembangunan kapasiti juga telah diadakan sepanjang penggal kedua tahun 2019. Ini termasuklah sesi dialog bersama kedutaan Belgium dan Netherlands bagi mendapatkan panduan serta *best practices* daripada kedua-dua negara ini yang telah membangun serta melaksanakan pelan tindakan mereka mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan.

9. BHEUU juga telah menganjurkan dua sesi seminar pada 19 dan 25 Februari 2020 untuk mempergiatkan lagi usaha ke arah pembangunan Pelan Tindakan Negara berkaitan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan dan juga memberikan pendedahan kepada organisasi masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pegawai-pegawai Kerajaan pusat dan negeri berkaitan isu-isu perlanggaran hak asasi manusia serta kepentingan pembangunan pelan tindakan ini.

10. Sesi seminar tersebut merupakan satu langkah penting sebagai permulaan fasa Pembangunan Pelan Tindakan ini di Malaysia. Hasil daripada sesi libat urus yang telah diadakan, tiga (3) “*thematic areas*” telah dikenalpasti dan akan dikaji dalam *National Baseline Assessment* yang akan dilaksanakan oleh BHEUU Bersama SUHAKAM dan UNDP.

11. Mendepani norma baharu, sesi pada hari ini merupakan salah satu inisiatif BHEUU dengan sokongan agensi peneraju bagi “*thematic areas*” iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) bersama-sama SUHAKAM dan UNDP yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan daripada pihak

berkepentingan mengenai isu-isu perlanggaran hak asasi manusia yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan di Malaysia. Fakta serta isu yang diperoleh akan dibentangkan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa yang bakal dibentuk bagi tujuan pembangunan pelan tindakan ini.

12. Beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal akan dibentuk bagi merealisasikan Penyediaan Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia. Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan dianggotai oleh wakil-wakil agensi Kerajaan, Entiti Perniagaan, SUHAKAM, Agensi Kawalselia, Pertubuhan Bukan Kerajaan, dan juga kumpulan masyarakat.

13. InsyaAllah sekiranya keadaan di dalam negara kita semakin baik pada tahun hadapan, kita juga merancang untuk menganjurkan satu Persidangan Peringkat Kebangsaan (*National Conference*) berkenaan isu-isu tematik utama yang melibatkan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan dengan kerjasama SUHAKAM dan UNDP. Persidangan ini kelak akan melibatkan semua *stakeholder* yang telah dikenalpasti dalam pembangunan pelan tindakan.

14. Seterusnya, proses *National Baseline Assessment* (NBA) juga akan dimulakan selepas ia dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal. Pelaksanaan NBA akan membantu kita untuk memahami situasi sebenar di lapangan supaya setiap keputusan yang dibuat berkenaan tindakan-tindakan utama yang akan dimasukkan di dalam pelan tindakan adalah berdasarkan kepada fakta yang tepat.

Yang Berbahagia Dato'/ Dr./Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

## **PENUTUP**

15. Kesemua perancangan ini akan hanya boleh dicapai dan dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua pihak dalam memastikan pelan tindakan ini memberi manfaat kepada negara kita. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat berinteraksi secara aktif dengan ahli-ahli moderator kita dan juga pakar rujuk kita sepanjang sesi ini berlangsung sebentar lagi.

16. Akhir kata bagi pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas kehadiran semua ke Sesi Bengkel Perniagaan dan Hak Asasi Manusia “*Fact Finding*

*Consultation: Towards Malaysia's National Action Plan On Business  
And Human Rights (NAPBHR)".*

Sekian,        Wabillahitaufik        Walhidayah        Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Disediakan oleh :

Seksyen Dasar dan Penyelidikan  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang  
Jabatan Perdana Menteri  
Tarikh : 1 Disember 2020